

Ribuan rakyat jelata saksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di pameran agro mini

JOHOR BAHRU 23 Mac - Ribuan rakyat yang menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang disiarkan secara langsung di Dataran Bandaraya, di sini tidak melepaskan peluang mengunjungi program Agro Mini Johor Daerah Johor Bahru yang berakhir hari ini.

Rata-rata orang ramai yang hadir di dataran itu untuk menyaksikan Perarakan Kenderaan Diraja dan menonton siaran langsung menerusi dua paparan skrin besar turut mengambil peluang berkunjung ke gerai pameran dan jualan agro mini berkenaan.

Bagi **S. Ganesan** dari Bandar Baru Uda, di sini, peluang datang dataran berkenaan turut digunakan untuk mengunjungi gerai-gerai pameran agro mini tersebut.

“Bagi saya bagus juga diadakan agro mini ini kerana banyak gerai jualan makanan dan produk dibuka, sekali gus memudahkan orang ramai untuk mendapatkan makanan dan minuman sambil menonton siaran langsung berkenaan.

“Selain itu, banyak gerai pameran daripada pelbagai agensi kerajaan turut diadakan nyata memberi manfaat kepada pengunjung,” katanya.

Sementara itu, **Ikmal Aizzudeen Rahmat**, 20, turut memuji



ORANG ramai tidak melepaskan peluang memeriahkan hari terakhir Agro Mini Johor Daerah Johor Bahru di Dataran Bandaraya, Johor Bahru, semalam.

penganjuran agro mini itu dan berharap dapat diteruskan pada masa depan.

“Program ini banyak membantu petani tempatan dan usahawan kecil meningkatkan produk dan pemasaran hasil keluaran masing-masing,” katanya.

Agro Mini Johor Daerah Johor Bahru anjuran Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) diadakan sem-

pena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bermula Sabtu lalu dan berakhir hari ini.

Penganjurannya bertujuan memberi lebih banyak promosi tentang produk pertanian tempatan, selain pendedahan kepada petani tentang teknologi terkini dalam bidang berkenaan dan peluang usahawan kecil meningkatkan aktiviti pemasaran.